



## Penyelidik UMP cemerlang di PECIPTA 2015


Berita dan foto oleh: ERNIE NURAZLIN LIZAM

Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya meraih kejayaan cemerlang dengan meraih lima pingat emas, tiga pingat perak, tiga pingat gangsa dalam Persidangan dan Pameran Reka Cipta Antarabangsa (PECIPTA 2015) yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Pingat emas diraih Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dengan tajuk penyelidikan 'Bio Transform'.

Pingat emas kedua diraih Dr. Mohd Hasbi Ab Rahim dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FIST) dengan tajuk penyelidikan 'Novel Fuel Additive Chemical from Oil Palm Sap'. Turut meraih pihat emas iaitu Profesor Dr. Jose Rajan dengan tajuk penyelidikan 'World First Nanorod based Solar Module: Materials Fancy Goes Reality'.

Begitu juga dengan Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli menerusi penyelidikan 'T-Bat:



*A Novel Strategy for Minimization Of T-Way Interaction Test Suite Based On The Particle Swarm Optimization And The Bat Algorithm'* dan Dr. Zamzuri Hamedon pula dengan tajuk penyelidikan 'Multi-Axial Clamp Assemble for Compound Fracture Of Bone'.

Manakala bagi pingat perak pula dimenangi oleh Profesor Dr. Abdurhaman Hamid Nour dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dengan tajuk penyelidikan 'A Novel Technique of Ultrasonic Membrane Anaerobic System (UMAS) in Treating Wastewater', Dr. Lakhveer Singh juga menang pingat perak dengan tajuk penyelidikan 'Nanoparticles of metal drivers for conversion of wastewater to electricity in microbial fuel cell' serta Dr. Nina Suhaity Azmi dengan tajuk penyelidikan 'Glycojoint: 'Halal' Relieves of Pain for Exercise Injuries and Age Related Cartilage Degenerations'.

Selain itu bagi pingat gangsa pula disumbangkan menerusi dua produk dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) iaitu Profesor Madya Dr. Jolius Gimbut dengan tajuk penyelidikan 'Functional Food From Orthosiphon Stamineus' dan Profesor Madya Dr. Hayder A. Abdul Bari dengan tajuk penyelidikan 'Insoluble Additives for Enhancing the Blood Flow in Clogged Streams'. Manakala Dr. Essam Abdellatif Makky pula menerusi tajuk 'Bioeconomy Of Food Waste For Cancer Control'.



Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Nasir Ibrahim turut melahirkan rasa bangga beliau dengan kejayaan ini yang membuktikan keupayaan penyelidikan UMP yang diiktiraf dan dapat dikomersilkan sebagai contoh produk Dr. Mohd Hasbi telah dikenal pasti dimana produk telah memasuki fasa prapengkomersialan.

Persidangan dan Pameran Reka Cipta Antarabangsa (PECIPTA 2015) yang berlangsung selama tiga hari itu bermula 5 hingga 7 Disember 2015 dan telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh dengan mempamerkan sebanyak 495 penyertaan produk penyelidikan.

